

19 SEP, 2022

Pasar Tamu Beluran diserahkan kepada Majlis Daerah

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2

Pasar Tamu Beluran diserahkan kepada Majlis Daerah

Mardinah Jikur

BELURAN: Pasar Tamu Beluran yang siap dinaik taraf pertengahan bulan Mei 2022 dirasmikan dan diserahkan* kepada Majlis Daerah Beluran pada Ahad.



Majlis penyerahan pasar tamu di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-12 itu disaksikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan yang juga Ahli Parlimen Beluran, Datuk Seri Ronald Kiandee (gambar) ketika berlangsungnya Program Semarak Tani Keluarga Malaysia @ Beluran di Pasar Tamu Beluran, di sini.

Menelan kos RM746,000, Pasar Tamu Beluran adalah pasar tamu keempat yang dinaik taraf di negeri ini selepas Pasar Tamu Sook, Kudat dan Kunak.

Ia dibangunkan Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan Malaysia (Mafi) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

Ronald berkata, projek menaiktaraf pasar tamu itu adalah sebahagian daripada program pengukuhan rangkaian peruncitan Pasar Tamu di Sabah dan Sarawak dengan matlamat memperkasakan pemasaran hasilan pertanian melalui pembangunan premis pemasaran kekal bagi memudahkan urusan antara usahawan dan pengunjung serta pihak berkuasa tempatan.

Penaiktarafan pasar tamu itu memberi manfaat kepada 120 orang peserta sedia ada dalam memasarkan produk-produk mereka sekaligus membantu pengguna untuk mendapatkan produk-produk pertanian dan industri makanan pada harga yang berpatutan di daerah Beluran.

Hadir sama ialah Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Labuk, Samad Jambri; Adun Telupid, Jonnybone J Kurum; Pegawai Daerah Beluran, Roger Appoloni; Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Datuk Zainal Abidin Yang Razalli; Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin; Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Mohd Sufian Sulaiman; Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Yusoff Othman dan Pengurus Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada), Datuk Kamardin Md Nor.

Pada majlis itu juga, hadirin turut dimaklumkan mengenai Penubuhan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Paitan yang merupakan PNK ke-15 bagi Sabah.

Penubuhan PNK Paitan itu telah diumumkan Ronald pada 12 Mei tahun ini ketika Majlis Penyerahan Bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan secara tunai di Pulau Jambongan, di sini.

Tujuan penubuhannya adalah untuk memajukan kepentingan ekonomi dan sosial ahli-ahlinya selain menjaga keseronosan masyarakat nelayan setempat.

Sehingga kini, PNK Paitan mempunyai 62 bakal ahli dan jumlah keahlian dijangka bertambah kepada lebih 400 orang.

Antara cadangan kegiatan ekonomi yang akan dilaksanakan di PNK Paitan adalah Projek Agrotourism, Projek Pemasaran Ikan dan Hasil Laut serta Projek Kontrak dan Pembekalan.

"Mafi melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah merangka pelan strategik secara holistik merangkumi pembangunan sektor perikanan dan socioekonomi nelayan sekaligus menunjukkan betapa besarnya sumbangan sektor perikanan dalam pembangunan ekonomi negara," kata Ronald ketika berucap pada majlis itu.

Ronald turut menyampaikan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) laut secara tunai sebanyak RM193,275.80 kepada seramai 650 penerima.

Untuk rekor, nilai bayaran ESHN Laut bagi seluruh nelayan Negeri Sabah bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM 22,013,900 yang memberi manfaat kepada 7,671 nelayan laut.

Manakala, Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) darat di Daerah Beluran di bawah Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) bagi tahun 2022 yang bernilai RM534,000 turut diserahkan pada majlis sama dan ia memanfaatkan 178 orang nelayan darat.

Turut disampaikan ialah projek naik taraf dan bina baru 14 buah jeti di kawasan Parlimen Beluran melibatkan kos keseluruhan RM1.2 juta yang akan memberi kemudahan pendaratan ikan lebih baik kepada nelayan-nelayan setempat.

Beberapa penyerahan insentif kepada komuniti agromakanan turut diadakan sempena program itu yang merangkumi penyerahan sumbangan kepada asnaf JHEAINS Darab Beluran dan sumbangan perlindungan takaful kemalangan diri oleh Bank Pertanian Malaysia (Agrobank), penyerahan peralatan pertanian oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada), penyerahan Projek Naik Taraf Jeti Nelayan oleh LKIM dan penyerahan Kit serta pelepasan lori Mafi Prihatin.


Dalam sidang media kemudian, Ronald berkata, program turun padang yang diadakan juga dilihat mencapai matlamat dalam mendekati pemain sektor agromakanan serta menyampaikan program pendekatan baharu MAFI kepada warga tani luar bandar selain memaklumkan mereka tentang dana dan bentuk bantuan yang ada.

Program Semarak Tani Keluarga Malaysia @ Beluran yang berlangsung selama dua hari dihadiri 21,000 pengunjung. Ia mele过asi sasaran 15,000 pengunjung.

Program yang disertai 184 peniaga itu berjaya mencatat jumlah jualan sebanyak RM175,000, mele过asi sasaran RM100,000.



PASAR Tamu Beluran yang telah dinaik taraf.



19 SEP, 2022

Pasar Tamu Beluran diserahkan kepada Majlis Daerah

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

1 Mardinah Jikur BELURAN: Pasar Tamu Beluran yang siap dinaik taraf pertengahan bulan Mei 2022 dirasmikan dan diserahkan kepada Majlis Daerah Beluran pada Abadi. Majlis penyerahan pasar tamu di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-i2 itu disaksikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan yang juga Ahli Parlimen Beluran, Datuk Seri Ronald Kiandee (gambar) ketika berlangsungnya Program Semarak Tani Keluarga Malaysia @ Beluran di Pasar Tamu Beluran, di sini.